

Kadar faedah naik tidak jejaskan pertumbuhan pinjaman

KUALA LUMPUR - Kumpulan CIMB (CIMB) menyasarkan peningkatan pertumbuhan pinjaman sebanyak 12 peratus tahun ini berbanding lapan peratus pada tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Nazir Razak berkata, pertambahan angka tersebut dijangka disumbangkan oleh permintaan yang lebih kukuh daripada sektor perusahaan kecil dan sederhana (IKS) sambil disokong oleh momentum kukuh daripada segmen gadai janji, pinjaman peribadi dan juga kad kredit.

"Pada tahun ini, sasaran pertumbuhan pinjaman kami adalah sebanyak 12 peratus yang mana 10 peratus daripadanya disumbangkan dari Malaysia.

"Tahun lalu sasaran kami di rantau ini ialah lapan peratus dan kami berjaya mencatatkan sebanyak 11 peratus," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Produk Pelaburan Berstruktur Pendapatan Hasil Berkembar CIMB di sini semalam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbendaharaan dan Pelaburan CIMB, Datuk Lee K. Kwan.

Tambah Nazir, pihaknya menjangkakan maklum balas yang lebih baik pada tahun ini ekoran keadaan ekonomi yang semakin pulih.

Pada majlis yang sama, beliau mengumumkan bahawa CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank akan menaikkan Kadar Pinjaman Asas (BLR) dan Kadar Pembiayaan Asas (BFR) sebanyak 25 mata asas, daripada 5.55 peratus kepada 5.80 peratus mulai hari ini.

Kadar simpanan dan deposit tetap bank juga akan ditingkatkan sehingga 25 mata asas.

Perubahan kadar itu dibuat berdasarkan kepada keputusan Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas.

Nazir menyatakan keyakinan bahawa peningkatan kadar faedah tersebut tidak akan memberi kesan kepada pertumbuhan pinjaman CIMB.

"Kami menyokong langkah bank pusat untuk mengembalikan kadar faedah kepada paras normal di samping disokong oleh keadaan ekonomi yang semakin stabil," katanya sambil menambah, perubahan kadar faedah tersebut bertepatan pada masanya.



NAZIR dan K. Kwan (kiri) melancarkan produk pelaburan terbaru CIMB di Kuala Lumpur semalam.